KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## AHAD, 23 JULAI 2023

## LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:
*World Communications*

23/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | POLICE WAITING FOR MEDICAL REPORT IN STALKING CASE | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/07/22/police-awaiting-medical-report-in-stalking-case/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/07/933803/alleged-stalker-local-photographer-receiving-neurological-treatment-kl | NST.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1130067/penghendap-ganggu-jurugambar-wanita-kini-dalam-rawatan-di-hkl | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.nst.com.my/news/nst-viral/2023/07/933592/nstviral-netizens-express-frustration-over-slow-action-authorities | NST.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | PELAJAR JATUH BANGUNAN SEDANG JALANI RAWATAN PSIKIATRI | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/tragedi/2023/07/pelajar-jatuh-bangunan-sedang-jalani-rawatan-psikiatri/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | BOMBA DIPANGGIL PUJUK WANITA DI BUMBUNG | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/990448/bomba-dipanggil-pujuk-wanita-di-bumbung | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | WANITA DIHANTUI RASA BERSALAH, JADI PUNCA RAKAN LELAKI BERCERAI | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/22/wanita-dihantui-rasa-bersalah-jadi-punca-rakan-lelaki-bercerai/ | KOSMO.COM.MY |

23/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **PEROKOK WANITA SEMAKIN 'BERANI'** | |
| | https://www.utusan.com.my/seri/2023/07/perokok-wanita-semakin-berani/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **USAH DEDAH MUKA, AHLI KELUARGA MANGSA JENAYAH KANAK-KANAK** | |
| | https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/07/usah-dedah-muka-ahli-keluarga-mangsa-jenayah-kanak-kanak/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **VAPE PERISA BUAH BOLEH PERDAYA KANAK-KANAK** | |
| | https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/07/vape-perisa-buah-boleh-perdaya-kanak-kanak/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **SHUIB JUMPA KANAK-KANAK IRAS WAJAH SITI SARAH** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/22/shuib-jumpa-kanak-kanak-iras-wajah-siti-sarah/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **TERUJA TERIMA TANGAN PALSU SEBELUM MASUK UNIVERSITI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/990357/teruja-terima-tangan-palsu-sebelum-masuk-universiti | HMETRO.COM.MY |

23/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **BAYI KEMBAR SEIRAS DERITA PARU-PARU KRONIK** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/269446/edisi/kelantan/bayi-kembar-seiras-derita-paru-paru-kronik | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **WARGA EMAS DITEMUKAN LEMAS SELEPAS LIMA HARI HILANG** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/990341/warga-emas-ditemukan-lemas-selepas-lima-hari-hilang | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/22/5-hari-hilang-selepas-perahu-karam-warga-emas-ditemui-lemas/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://tvstv.my/2023/07/22/mayat-warga-emas-oku-lemas-selepas-bot-karam-di-baram-ditemukan-terapung/ | TVSTV.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **WARGA EMAS HILANG DITEMUI TERSEPIT DALAM KERETA** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/22/warga-emas-hilang-ditemui-tersepit-dalam-kereta/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/warga-emas-disangka-hilang-rupanya-tersepit-kemalangan/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=m-eJFdIX8TQ | YOUTUBE |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/990490/wanita-warga-emas-ditemui-meninggal-dunia-dalam-kereta | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=FJuZKse-Fdk | YOUTUBE |

23/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **JPJ NAFI WAJIBKAN WARGA EMAS JALANI PEMERIKSAAN KESIHATAN** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/990440/jpj-nafi-wajibkan-warga-emas-jalani-pemeriksaan-kesihatan | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **BETULKAN SEMAKIN BERUSIA SEMAKIN PERLU SELALU DIVAKSIN?** | |
| | https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/sihat/2023/07/1129822/betulkan-semakin-berusia-semakin-perlu-selalu-divaksin | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **KERAJAAN NEGERI PERUNTUK RM10 JUTA KEMUDAHAN PINJAMAN MIKRO UNTUK GOLONGAN WANITA** | |
| | https://wartaoriental.com/2023/07/22/kerajaan-negeri-peruntuk-rm10-juta-kemudahan-pinjaman-mikro-untuk-golongan-wanita/ | WARTAORIENTAL.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **MALAYSIA PERLU BERSEDIA HADAPI MIGRASI AKIBAT IKLIM, BENCANA ALAM** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1129961/malaysia-perlu-bersedia-hadapi-migrasi-akibat-iklim-bencana-alam | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **WANITA CEDERA BUNGKUSAN DIBUKA MELETUP** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-cedera-bungkusan-dibuka-meletup-429263 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=416geXHwNgI | YOUTUBE |

23/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **'SHAFIQ ROSLI' GANGGU WANITA SECARA SEKSUAL DIRAWAT DI WAD MENTAL** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/990457/shafiq-rosli-ganggu-wanita-secara-seksual-dirawat-di-wad-mental | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **KANAK-KANAK PEREMPUAN TERTELAN CINCIN** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/kanak-kanak-perempuan-tertelan-cincin/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **SEORANG BUDAK MAUT, SEORANG LAGI LEMAH AKIBAT LEMAS** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/269585/berita/semasa/seorang-budak-maut-seorang-lagi-lemah-akibat-lemas | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **#BANTUAN OKU TIDAK BERUPAYA KERJA#RM300#JKM#BANTUAN KERAJAAN** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=xrVPulYjKg8 | YOUTUBE |

23/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **BAYI LELAKI BERBALUT KAIN BATIK DITEMUI ATAS BUAIAN BESI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/990657/bayi-lelaki-berbalut-kain-batik-ditemui-atas-buaian-besi | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/22/bayi-lelaki-ditinggal-atas-buaian-depan-rumah/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/269561/berita/semasa/pemandu-lori-jumpa-bayi-atas-buaian | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1130104/bayi-ditinggal-atas-buaian-besi | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemandu-lori-jumpa-bayi-atas-buaian-429274 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/bayi-lelaki-ditinggal-atas-buaian-depan-rumah/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **JKNJ JALAN SIASATAN TERPERINCI INSIDEN BAYI JATUH DI HSI** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jknj-jalan-siasatan-terperinci-insiden-bayi-jatuh-di-hsi-429267 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/269552/berita/semasa/jknj-siasat-dakwaan-bayi-terjatuh-akibat-kecuaian | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/22/jknj-siasat-dakwaan-bayi-terjatuh-akibat-kecuaian/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2208907 | BERNAMA.COM |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KPM MINTA SEKOLAH LAKSANA PENILAIAN RISIKO | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH | : | 23 JUL 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# KPM minta sekolah laksana penilaian risiko

**Nibong Tebal:** Kementerian Pendidikan (KPM) akan meminta pengurusan sekolah di seluruh negara melaksanakan penilaian risiko terhadap ancaman bahaya persekitaran dan peralatan digunakan bagi memastikan keselamatan guru serta pelajar terjamin.

Menterinya, Fadhlina Sidek, berkata KPM sudah menyarankan pihak sekolah melaksanakan penilaian terbabit dan berada dalam pemantauan kementerian.

"Tak ada masalah laksanakan pemantauan kerana itu memang kita buat.

"Ia adalah susulan peruntukan RM70,000 untuk menaik taraf dan penyelenggaraan sekolah termasuk tandas.

"Ini memang sangat kena pada masanya dan dalam masa sama kita ingatkan semua sekolah ambil langkah berhati-hati dalam memastikan keselamatan murid dalam bangunan, kawasan atau premis sekolah," katanya.

Beliau mengulas saranan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Perak, Khairudin Abu Hanipah, yang meminta pihak sekolah di negeri itu melakukan penilaian risiko terhadap ancaman persekitaran dan peralatan yang digunakan di sekolah.

Ia susulan kejadian seorang murid perempuan Tahun Tiga Sekolah Kebangsaan (SK) Perpaduan di Perak cedera selepas tangki pam tandas jenis seramik runtuh dan menimpanya sehingga menyebabkan kecederaan.

Fadhlina yang juga Ahli Parlimen Nibong Tebal ditemui ketika Majlis Pelancaran Program Kolej Vokasional (KV) Insani Masyarakat Madani Pulau Pinang di Dewan Serbaguna Sungai Acheh, di sini, semalam.

Mengulas kes pelajar Tingkatan Satu yang maut selepas dipercayai jatuh dari tingkat dua bangunan sebuah sekolah di Melaka, beliau berkata, langkah intervensi sama diambil bagi memastikan keselamatan pelajar terjaga.

"KPM ada konsep sekolah selamat, bukan sahaja selamat daripada gangguan buli tetapi juga dari segi infrastruktur

"Jadi, kita mesti pastikan sama-sama membuat intervensi dan memastikan (keselamatan) anak kita dari semasa ke sesama," katanya.




*Fadhlina pada Majlis Pelancaran Program Kolej Vokasional (KV) Insani Masyarakat Madani Pulau Pinang di Dewan Serbaguna Sungai Acheh, Nibong Tebal, semalam.* (Foto Danial Saad/BH)

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KECEWA TIADA BERITA DARI KAMPUNG | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 23 JUL 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

WANITA CUBA TERJUN TINGKAT DUA KEDIAMAN

# Kecewa tiada berita dari kampung

**Kuala Selangor:** Tidak terima berita selepas mengirim wang ke kampung dipercayai menjadi motif seorang wanita warga Indonesia cuba terjun daripada tingkat dua sebuah rumah di Taman Yayasan di sini, semalam.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Mohamadul Ehsan Mohd Zain berkata, pihaknya menerima panggilan berhubung kejadian itu jam 9.52 pagi.

Tujuh anggota bersama jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kuala Selangor dikejarkan ke lokasi.

"Tiba di lokasi, kami dapati, wanita berusia 30-an yang bekerja sebagai pembantu rumah berada di tingkat dua kediaman berkenaan.

"Wanita terbabit dipercayai berada di situ selama lima minit," katanya dihubungi.

Mohamadul Ehsan berkata, anggota bomba dan polis kemudian berusaha memujuk wanita berkenaan untuk turun sebelum menyelamatkannya.

> *Tiba di lokasi, kami dapati, wanita berusia 30-an yang bekerja sebagai pembantu rumah berada di tingkat dua kediaman berkenaan"*
>
> **Mohamadul Ehsan Mohd Zain**



ANGGOTA bomba dan polis berusaha memujuk wanita warga Indonesia yang cuba terjun dari tingkat dua sebuah rumah di Taman Yayasan, Kuala Selangor.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SUSPEK ADA DI WAD MENTAL | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 23 JUL 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

KES GANGGU JURUGAMBAR WANITA

# SUSPEK ADA DI WAD MENTAL

Oleh Nurul Hidayah Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

**Petaling Jaya**

Polis berjaya mengesan seorang individu yang didakwa sering mengganggu seorang jurugambar wanita secara seksual seperti didedahkan mangsa di media sosial, baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, Asisten Komisioner Mohamad Fakhrudin Abdul Hamid berkata, semakan dilakukan pihak polis terhadap individu berkenaan mendapati dia sedang menerima rawatan di sebuah hospital bagi masalah mental dialaminya.

"Selepas kita berjaya kesan individu terbabit, kita dapati dia sedang menerima rawatan di wad pesakit mental di Hospital Kuala Lumpur (HKL).

"Kami difahamkan bahawa individu berkenaan baru sahaja menerima rawatan itu selepas dihantar oleh ahli keluarganya.

"Siasatan masih dijalankan dan maklumat lanjut berhubung perkara ini akan dimaklumkan kemudian," katanya ketika dihubungi, semalam.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan pihak polis mengesahkan menerima laporan berhubung gangguan seksual dalam talian dihadapi jurugambar wanita pada 2018.



MOHAMAD Fakhrudin

Sebelum ini, mangsa menerusi satu hantaran di Instagram, baru-baru ini, berkongsi kisah bagaimana dirinya sering diganggu secara seksual oleh individu berkenaan.

Mangsa mendakwa kerap menerima mesej lucah dan video memaparkan suspek berkenaan berkelakuan jelik.

Susulan itu, sebuah media tempatan melaporkan, suspek berkenaan mula mengganggu mangsa sejak 2016 dengan meninggalkan komen di halaman blognya.

Suspek terbabit dikatakan mula menghendap mangsa sejak 2017 malah pernah mengekori mangsa ke sebuah restoran makanan segera dan ke rumah mangsa.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TUJUH SEKELUARGA HILANG RUMAH, TINGGAL TABUNG DUIT SYILING SAJA | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 23 JUL 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



KEADAAN api yang marak memusnahkan kediaman di Kampung Sungai Petai, Alor Gajah, Melaka.

# Tujuh sekeluarga hilang rumah, tinggal tabung duit syiling saja

**Alor Gajah:** "Semuanya musnah terbakar, hanya tabung berisi syiling saja yang selamat," kata mangsa kebakaran, Mohd Faizal Abu Hasan, 38.

Terdahulu, pada kejadian jam 7 malam kelmarin, rumah dihuni Mohd Faizal di Kampung Sungai Petai di sini, musnah terbakar.

"Kebakaran berlaku begitu pantas. Kami sedang menonton televisyen dan terdengar bunyi seakan-akan kayu terbakar sebelum api tiba-tiba marak di ruang hadapan rumah.

"Saya dan anak-anak hanya berseluar menyelamatkan diri kerana tidak sempat mencapai baju kerana api marak," katanya.

Mengimbau kejadian, katanya, sebaik menyedari rumah terbakar, mereka tergamam dan kaku seketika.

"Syukur, jeritan jiran membuatkan kami tersedar sebelum bergegas menyelamatkan diri," katanya lagi.

Menurut bapa kepada dua anak berusia enam dan tujuh tahun itu, ketika kejadian kesemua tujuh ahli keluarganya termasuk isteri, ibu mentua, adik ipar serta ibu saudaranya berada di ruang tamu menonton televisyen.

Katanya, dia dan keluarga langsung tidak menyangka rumah pusaka arwah bapa mentua yang menjadi tempat mereka berteduh tiba-tiba terbakar.

"Kami sekeluarga juga bagaikan kebingungan ketika itu. Jiran terus menjerit menyuruh kami menyelamatkan diri.

"Walaupun tinggal sehelai sepinggang namun saya bersyukur kerana kami semua selamat," katanya.

**Enam belas anggota membantu memadam kebakaran**

Sementara itu, jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Melaka berkata, pihaknya menerima panggilan kebakaran jam 7.13 malam sebelum tiga jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BPP) Alor Gajah, Cheng dan Tangga Batu digerakkan ke lokasi kejadian.

"Enam belas anggota membantu memadam kebakaran. Api dikawal 40 minit kemudian. Operasi tamat jam 10.34 malam, punca kebakaran masih dalam siasatan," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA MATI DALAM KERETA ENJIN MASIH HIDUP | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 23 JUL 2023 | M/SURAT | : | 19 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Wanita mati dalam kereta enjin masih hidup

**Kota Kinabalu:** Seorang wanita warga emas ditemui meninggal dunia di dalam sebuah kereta di Jalan Signal Hill berhampiran Dewan Hakka di sini, malam kelmarin.

Kejadian disedari orang awam yang memaklumkan pihak berkuasa selepas mendapati mangsa yang berusia 62 tahun tidak sedarkan diri dalam keadaan enjin kereta masih hidup.

Ketua Polis Daerah Kota Kinabalu, Asisten Komisioner Mohd Zaidi Abdullah berkata, pihaknya menerima panggilan daripada orang awam jam 8.25 malam memaklumkan melihat Proton Saga dalam keadaan mencurigakan diparkir di kawasan berkenaan.

Katanya, enjin dalam keadaan hidup serta lampu menyala namun apabila menghampiri kereta itu ternampak seorang wanita dalam keadaan tidak sedarkan diri.




MAYAT seorang wanita ditemui dalam kenderaan di Jalan Signal Hill berdekatan Dewan Hakka di Teluk Likas. - Gambar NSTP/MOHD ADAM ARININ

"Hasil siasatan di tempat kejadian tidak menunjukkan unsur perbuatan jenayah yang boleh dikaitkan sebagai punca kematian mangsa," katanya, semalam.

Menurutnya, setakat ini, kes diklasifikasi sebagai laporan mati mengejut (SDR).

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ‘NURSE’S NEGLIGENCE CAUSED PREMATURE BABY TO FALL OFF INCUBATOR’ | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | NEW SUNDAY TIMES |
| TARIKH | : | 23 JUL 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


HEALTH DEPT PROBE

# ‘Nurse’s negligence caused premature baby to fall off incubator’

**JOHOR BARU:** The Johor Health Department has confirmed that a 73-day-old premature baby girl in government hospital care fell off an incubator due to the attending nurse’s negligence.

Department director Dr Mohtar Pungut said an inquiry revealed that the nurse had acted negligently and failed to adhere to the “top-to-toe” standard operation procedure, as outlined in the nursing procedure manual.

The nurse allegedly did not ensure the baby’s safety during the procedure, he said.

The baby’s mother underwent an emergency Caesarean delivery on May 7.

The baby girl, who was 26 weeks old at delivery, weighed 930g.

The baby was placed in an incubator as she was underweight and needed medical care.

The incident occurred at 11pm on July 16 when the nurse on duty conducted a routine “top-to-toe” procedure on the 12 infants at the ward.

Another nurse was also on duty at the same ward.

“Top-to-toe”, also known as “topping and tailing”, is a procedure where infants are cleaned. It starts from the infant’s face, neck, hands and bottom, including their nappy area.

Dr Mohtar said the nurse in question performed the procedure on three infants.

The first infant was in a baby cot, while the remaining two infants, including the victim, were in incubators.

“She had carefully carried out the ‘top-to-toe’ procedures on the two infants.

“However, while she was conducting the same procedure on the third infant, the nurse heard ‘a sound indicating that something fell’.

“The baby was no longer in the incubator.

“She had fallen and was lying face up on the floor.”

The nurse picked up the baby and placed her back in the incubator.

Dr Mohtar said medical attention was immediately given, and her vital signs, including her blood pressure heart rate, were checked. “She had a bulging anterior fontanelle and a haematoma on the right forehead.”

A bulging fontanelle occurs when fluid accumulates in the skull cavity or when pressure increases in the brain.

The infant was given treatment, and after a computerised tomography (CT) scan, she was referred to Sultanah Aminah Hospital’s specialist neurosurgery for monitoring.

On July 17, the hospital’s medical specialist met the girl’s parents to explain the situation.

The parents wanted to see the nurse to demand an apology.

Dr Mohtar said the hospital management declined the request, as it was procedure for police to complete their investigations first. The girl’s condition stabilised on July 18 and she was feeding well without the need for oxygen. The swelling on her head had also subsided.

Dr Mohtar said the hospital administration assured the parents that investigations were ongoing, and action would be taken based on its findings.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SITI KASIM UNFAZED BY BOMB THREAT | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | NEW SUNDAY TIMES |
| TARIKH | : | 23 JUL 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

IMPROVISED EXPLOSIVE DEVICE

# Siti Kasim unfazed by bomb threat



*Activist and lawyer Siti Zabedah Kasim (second from left) taking a video recording of the police's bomb disposal unit removing the improvised explosive device from her car in Kuala Lumpur on Friday.*

**KUALA LUMPUR:** Activist and lawyer Siti Zabedah Kasim, better known as Siti Kasim, says she is not intimidated by the improvised explosive device (IED) that was placed under her car recently.

She said she was still going about her job and would attend court proceedings in Kelantan tomorrow.

She pledged to continue advocating for groups, particularly the Orang Asli.

Siti Kasim said this was not the first time people had tried to scare her, citing past threats against her on social media.

"I had once lodged a report about a threat, and several people were detained by police. Many people post threats. Some wanted to see me dead because they hated me.

"They perceive me as anti-Islamic, but that is a misunderstanding because I spoke out against politicians who used the religion for their own purposes or other things," she told *Harian Metro*.

Siti Kasim, who spoke on Facebook Live, said she had postponed sending her car for servicing.

She said she was glad that she sent her car to the workshop on Friday.

"The people who work at the workshop said, God was on my side.

"I was supposed to send in my car much earlier. If I had done that, I wouldn't have known about the bomb."

She said the court proceedings in Kelantan were related to the deaths of five Orang Asli children, who ran away from SK Pos Tohoi in Gua Musang eight years ago.

They were among seven pupils who fled from the school hostel on Aug 23, 2015, for fear of being punished for bathing in a river without permission.

After almost 50 days, two children were found alive near Sungai Perias.

The skeletal remains of the remaining five were found in the same area.

"I will go (to Kelantan) and nothing is going to stop me. I have to be there for my Orang Asli friends to support them. This is something I must do," Siti Kasim said, choking with emotion.

On Friday, Siti Kasim posted on Facebook that she was alerted to an object that was planted on one of her car tyres.

The police confirmed it was an IED.

Brickfields district police chief Assistant Commissioner Amihizam Abdul Shukor said the matter was confirmed by a test carried out by the bomb disposal unit.

"The police are doing their best and investigations are ongoing," Siti Kasim told the *New Straits Times* on Friday.

Amihizam said police had recorded statements from Siti Kasim and a witness.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | INITIATIVES TO HELP INDIANS | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | SUNDAY STAR |
| TARIKH | : | 23 JUL 2023 | M/SURAT | : | 12 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Initiatives to help Indians

## Mitra to focus on community's education and well-being

**PETALING JAYA:** The Malaysian Indian Transformation Unit (Mitra) has initiated several subsidy programmes, with focus on education, career development and social well-being for the Indian community.

Its chairman Datuk Ramanan Ramakrishnan said 10,000 undergraduates would receive a one-off education aid of RM2,000.

"This subsidy will be disbursed in phases from August," he said, adding that it was also open to students of private higher learning institutions on a first come first served basis.

"Mitra will also disburse subsidy amounting to RM2.49mil to preschool children and has signed agreements with the first batch of 42 kindergartens with a total 1,035 children.

"Another sum of over RM5.095mil will be disbursed to the second batch of recipients involving 71 kindergartens and 2,123 children," he said in a statement yesterday.

He also said a joint programme between Mitra and Weststar Aviation Services in aircraft maintenance had been launched for 100 Indian youth.

Applications would open from July 26 until Aug 30, Ramanan added.

He said those interested could also sign up the Drone Operations Technical Programme as well as the Data Services and Electrified Advancement Programme, which will also open for application on July 26.

A programme for Tamil schools on refurbishing personal computer would be implemented next month, he said.

Ramanan added that for a start, the unit was targeting 527 schools nationwide.

"We have also launched the dialysis aid subsidy programme for some 9,000 Indians suffering from chronic kidney disease," he said.

Each recipient would get RM9,600 in subsidy for a term of up to a year, beginning next month, he added.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SITI KASIM REMAINS DEFIANT AFTER BOMB THREAT | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | SUNDAY STAR |
| TARIKH | : | 23 JUL 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |







**Explosive discovery:** Police conducting the investigation after the bomb was found at the workshop in Bangsar.

# Siti Kasim remains defiant after bomb threat

By SYED UMAR ARIFF
umar@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Activist-lawyer Siti Kasim says she will continue speaking up against the use of religion in politics.

A day after discovering a bomb was planted on her car, Siti Kasim continued with her trademark defiant tone, lambasting her critics and those who had prayed for her death.

"For those who prayed for my death, you need to understand that I am not afraid of death, because everyone will die (one day). If you think praying for someone's death is Islamic, then go ahead. Nobody is stopping you.

"If it is written as qada and qadar (fate) that I will die like that for doing the right thing, then I will die happily," she said in an Instagram video.

On Friday, two bottles filled with wires were discovered under the rear of Siti Kasim's car, which the police confirmed were improvised explosive devices (IEDs).

Siti Kasim said the discovery was made by her mechanic at a workshop in Bangsar where she had left the car for servicing.

"All I know is that I will (continue) to be a useful human being while I am alive.

"To me, that is the most Islamic thing to do, to do your best in your life, in whatever manner, in whatever way you can.

"But to those who do not understand me, that is up to you. You answer to God," she said.

Siti Kasim, who has been accused of being anti-Islam, reiterated that she had never spoken against the religion, but only to those who use it in politics.

"I have never said Islam is bad. Islam is my religion, I love my religion. I only speak up because I do not agree with what is happening in this country.

"If you agree to be jailed for 30 years, being fined RM100,000, receiving 100 strokes of the rotan just because you do not fast, not dressing up according to syariah law, not praying or committing other (wrongdoings) that do not result in victimising people, that is up to you.

"But I do not agree, because (syariah) law covers me as well, it is forced upon me. I do not agree with these politicians who make decisions about my religion. That is what I have been saying," she said.

Siti Kasim said she would continue to speak for the oppressed and warned culprits behind the car bomb that the law would catch up with them.

"I will continue to talk. I am not afraid of death. If I am (to be) murdered by these fanatics, that is up to you.

"Whatever you want to do, you just think carefully. I do believe the people who did this believe that faith is on their side. Well, I'm sure the police will get you," she said.

Meanwhile, more than 50 civil society groups said they stand in solidarity with Siti Kasim and condemned the persons responsible for planting the bomb underneath her car.

The groups also called on the police to provide Siti Kasim with security.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ELLIE, ISABELLA AND MIEYA WIN MITRAF COLOURING CONTEST | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | THE SUNDAY POST |
| TARIKH | : | 23 JUL 2023 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |




Winners in all three groups pose for group photo with the organisers and sponsors.

# Ellie, Isabella and Mieya win Mitraf colouring contest

By Eric Edward
reporters@theborneopost.com

**MIRI: Ellie Hwang, Isabella Wong and Mieya Lee emerged as champions in the Mitraf 27 Sarawak Day children colouring contest.**

They were the respective Group A, Group B and Group C winners of the competition held at Permaisuri Imperial City Mall in connection with the five-day Miri Trade Fair 27 (Mitraf 27).

Group A, for children aged four to six years, saw Quinn Ong, Sheldon Sim and Michelle Wong placing second to fourth, respectively, while Amber Hii, Glenys Ong and Kong Yee Qing were the respective second- to fourth-placed winners for Group B (aged 7-9).

Group C, for children aged 10 to 12 years, saw Emilia Tie in second place, followed by Eugenia Tie and Joana Ling in third and fourth respectively.

The top four winners in each group each won a 10kg bag of rice, a loaf of bread, food voucher and trophy.

The consolation prize winners for Group A were Elior Tiong, Tyrone Imba, Calvin Choe, Raynise Then, Lam Hao Yi, Olive Ling and Elly Chiew; Group B (Kayla Tie, Celine Hwang, Eunice Tie, Vivian Kong, Hann Ling, Jewel Sim and Chloey Liew); and Group C (Chung Yee Ning, Addem Hii, Emma Lee, Emma Liang, Tay Chee Fang, Emily Ting and Amanda Chung).

Encouragement awards were also given to participants Jaden Liew, Feyvel Yumi, Alecia Lee, Jorge Hoe, Terra Tien, Elvin King, Haeley Juan, Noel Ovelle, Elly Tai, Sheryl Chong, Daryl Tien, Trishelle Ting, Amber Akeu, Elva Ting, Chloe Tan, Thian Sin Ru, Chloe Ha, Kong Yee Ting and Granice Ling.

The consolation and encouragement award winners each received a 5kg bag of rice, a loaf of bread, food voucher and medal.

The colouring contest was part of Mitraf 27's list of events, organised by See Hua Marketing Sdn Bhd Miri branch and El Wajar Art Tuition Centre.

The sponsors for this competition were Telang Usan Trading Company Sarawak Sdn Bhd for its rice products, One Rotating BBQ Hot Pot for the food vouchers, Twin Brothers Patisserie for the loaves of bread, and The Dream Wrap for the ice cream vouchers.

Some 250 pupils from various primary schools here took part in the competition.

TAJUK : SENIOR CITIZEN FOUND DEAD INSIDE CAR IN KK

HARI : AHAD

AKHBAR : THE SUNDAY POST

TARIKH : 23 JUL 2023

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



Police forensics personnel carry out their investigation at the scene.

# Senior citizen found dead inside car in KK

**KOTA KINABALU:** A 62-year-old woman was found dead inside a car at Jalan Signal Hill, near the Hakka Hall here on Friday night.

Kota Kinabalu police chief ACP Mohd Zaidi Abdullah said the discovery was made by the public at 8.25pm.

"Police were notified of the discovery and a team was dispatched to the location. Upon arrival, police found a Proton Saga car parked by the side of the road with its engine still running.

"Further inspection found an unconscious woman at the driver's seat, and she was later confirmed dead by paramedics," he said.

Mohd Zaidi said police investigation did not find any criminal elements at the scene.

The body was taken to the Queen Elizabeth Hospital for a post-mortem, he said, adding that the case has been classified as sudden death.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KELUARGA CARI 'BADOL', IBU KANDUNGNYA SEDANG SAKIT | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 23 JUL 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Keluarga cari 'Badol', ibu kandungnya sedang sakit



SITI ABDULLAH: Ibu kandung 'Badol' yang sedang sakit.

**KUCHING:** Orang ramai yang mengenali seorang lelaki bernama 'Badol' yang dipercayai tinggal di Kampung Gobel di sini dimohon memberitahunya agar menghubungi keluarganya di Kampung Kudei Baru dengan kadar segera kerana ibu kandungnya sedang sakit.

Adiknya, Kartini Kassim memohon orang ramai untuk membantu mencari abangnya itu yang diangkat sebuah keluarga dari Kampung Panglima Seman Lama, Petra Jaya sejak kecil lagi.

"Kami mencari abang kandung yang hanya kami kenali sebagai 'Badol' yang dipercayai masih tinggal di sekitar Kuching. Maklumat yang dapat kami kongsikan, beliau tinggal di rumah isterinya di Kampung Gobel.

"Tolong maklumkan sekiranya ada yang mengenali beliau dan memberitahunya bahawa ibu kami sedang sakit dan dimasukkan ke wad Hospital Umum Sarawak (HUS) yang berada di Tingkat 8, katil nombor 18," ujarnya.

Menurut Kartini, kali terakhir mereka bertemu ialah ketika usianya (Kartini) masih belasan tahun di mana ketika itu beliau datang bersama isterinya ke rumah ibu mereka di Kampung Kudei Baru.

"Ibu kami seorang mualaf berbangsa Iban, bernama Unyi Nyambong dan nama Islamnya Siti Abdullah dan ibu angkat abang kami hanya dikenali sebagai Hajah Yak. Bagaimanapun, ibu angkatnya telah meninggal dunia.

"Kami tidak tahu nama sebenar abang kami selain nama 'Badol.' Jika beliau ada melihat (berita ini) atau ada sesiapa mengenali beliau bolehlah menghubungi saya di talian 0113-3145934," ujar Kartini.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MAYAT LELAKI WARGA EMAS OKU LEMAS DI SUNGAI TUTOH DITEMUI | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 23 JUL 2023 | M/SURAT | : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Mayat lelaki warga emas OKU lemas di Sungai Tutoh ditemui

**MIRI:** Mayat lelaki warga emas kurang upaya (OKU) yang dikhuatiri lemas di Sungai Tutoh, Hulu Sungai Baram berjaya ditemui pasukan mencari dan menyelamat (SAR) petang kelmarin pada jarak lapan kilometer dari lokasi perahu dinaiki mangsa karam.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak berkata, mayat mangsa, Jangin Luwau, 67, ditemui terapung secara terlungkup kira-kira jam 5.03 petang.

"Pasukan SAR 1 menghubungi pasukan SAR 2 menggunakan 'walkie-talkie' kampung memohon bantuan untuk mengambil mangsa menggunakan pacuan empat roda (4WD) di kawasan Sungai Puak kerana keadaan semakin gelap dan agak bahaya untuk membawa mangsa menggunakan perahu melawan arus ke Kampung Long Kawa.

"Pasukan SAR 2 kemudian bergerak ke kawasan Sungai Puak untuk mengambil mangsa menggunakan 4WD penduduk dan mayat mangsa tiba di Kampung Long Kawa sekitar jam 7.05 malam.



**DIJUMPAI: Pasukan SAR mengangkat mayat mangsa selepas berjaya menjumpainya petang kelmarin.**

"Mangsa kemudiannya diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya," katanya dalam satu kenyataan media.

Susulan penemuan mayat mangsa itu, operasi SAR mangsa perahu karam Sungai Tutoh ditamatkan pada jam 8.15 malam.

Terdahulu, operasi SAR hari keempat disambung pada jam 2 petang berikutan operasi tidak dapat dijalankan pada sebelah pagi memandangkan berlakunya hujan lebat mengakibatkan paras air sungai naik mengejut kira-kira jam 9 pagi.

Operasi dimulakan apabila mendapati hujan reda dan keadaan sungai selamat dilalui dengan radius pencarian pasukan SAR yang dibahagikan kepada dua kumpulan adalah sekitar 10 kilometer ke bahagian hilir daripada lokasi kejadian perahu karam.

Operasi SAR dijalankan empat anggota Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Marudi diketuai Pegawai Bomba Kanan II John Anyi dibantu tiga anggota polis Long Lama, lima kakitangan Saluran Paip Gas Sabah-Sarawak (SSGP) Petronas dan 60 penduduk kampung.

Mangsa pada Isnin dilaporkan hilang dikhuatiri lemas selepas bot yang dinaikinya bersama lima penumpang lain karam semasa dalam perjalanan balik dari Long Bedian ke Kampung Ba Selulong. Dalam kejadian itu, lima mangsa lain dilaporkan selamat.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | SIKAP TERPUJI TIGA BERADIK DI TAMAN AWAM JADI TUMPUAN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 23 JUL 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Sikap terpuji tiga beradik di taman awam jadi tumpuan

## Berbekalkan beg plastik, mereka akan mengutip sampah setiap kali berkunjung ke Lapangan Rekreasi Limbang

Oleh Mastura Ismail

**LIMBANG: Kelibat tiga beradik berbangsa Cina datang ke Lapangan Rekreasi Limbang berbekalkan beg plastik kosong mencuri tumpuan orang ramai yang beriadah di taman awam itu.**

Mereka datang ditemani ibu bapa teruja berlari menuju ke taman awam itu sambil membongkok badan mencari botol kosong, plastik dan sisa sampah di kawasan itu.

Kelibat Boaz, 10, bersama adik perempuannya, Allison, 7, dan adik bongsunya, Anson, 4, mencari sisa sampah untuk dimasukkan dalam beg plastik dibawa mereka menggamit hati pengunjung di kawasan tersebut.

Ia bukan lah kali pertama tiga beradik itu berbuat demikian, malah dilakukan setiap kali berkunjung ke Lapangan Rekreasi Limbang.

> “Memang gembira melihat anak-anak menyemai sikap menjaga kebersihan, benda baik kita sebagai ibu bapa memang sokong.”
>
> Annie Wong
> *Ibu*

Ia merupakan kehadiran kali ketiga mereka membawa beg plastik kosong sambil mengutip sisa sampah di taman awam tersebut.

Menurut ibu mereka, Annie Wong, 39, ketiga-tiga anaknya berbekal beg plastik kosong untuk mengutip botol-botol kosong yang berselerak di taman awam itu.

“Memang mereka tidak suka kotor. Jika pergi taman awam mereka suruh saya sediakan lebih awal beg plastik kosong untuk memudahkan mereka mengutip botol-botol kosong dan sisa sampah di taman awam itu,” katanya ditemui Utusan Borneo di Lapangan Rekreasi Limbang di sini.

Annie menjelaskan, semangat menjaga kebersihan di taman awam terserlah dalam diri anak-anaknya sejak awal usia.

“Memang gembira melihat anak-anak menyemai sikap menjaga kebersihan, benda baik kita sebagai ibu bapa memang sokong.

“Walaupun baharu berusia 10 tahun, Boaz dan adik-adiknya tidak malu mengutip botol-botol kosong dan sisa sampah di kawasan awam,” jelasnya.



**JAGA KEBERSIHAN: Gelagat Allison menunjukkan beg plastik kosong dipenuhi sisa sampah di Lapangan Rekreasi Limbang.**



**SIKAP TERPUJI: Boaz membawa beg plastik kosong yang digunakan mengutip sisa sampah di Lapangan Rekreasi Limbang.**

Sementara itu, tinjauan Utusan Borneo yang turut berada di taman awam itu mendapati Boaz begitu bersemangat, berlari-lari setiap sudut taman awam bersama adik-adiknya mencari sisa sampah untuk dibuang.

Boaz dan adik-adiknya ternyata gembira kerana beg plastik kosong yang dibawa mereka hampir penuh sebelum meneruskan aktiviti bermain permainan di taman awam tersebut.

Projek Lapangan Rekreasi Limbang bernilai RM15 juta yang menjadi satu lagi venue utama untuk sukan-sukan lasak di utara Sarawak mula dibanjiri orang ramai sebaik mula dibuka pada Mei lalu.

Projek di bawah peruntukan kerajaan persekutuan melalui Jabatan Landskap Negara itu menjadi venue pelbagai acara sukan dan kebudayaan, sekali gus destinasi pelancongan di utara Sarawak apabila siap sepenuhnya kelak.

Malah, projek itu sangat penting untuk menambah kawasan bagi rakyat Limbang menjalankan aktiviti riadah, rekreasi dan sukan lasak seperti ‘drag race,’ lumba motosikal kapcai dan sebagainya, iaitu antara sukan yang diminati golongan muda.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WANITA RUGI HAMPIR RM30,000 DIPERDAYA SINDIKET DALAM TALIAN | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 23 JUL 2023 | M/SURAT : | 04 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Wanita rugi hampir RM30,000 diperdaya sindiket dalam talian

**SIBU:** Seorang kakitangan kerajaan wanita berusia 20-an kerugian hampir RM30,000 selepas terperdaya sindiket dalam talian.

Ketua Polis Daerah Sibu ACP Zulkipli Suhaili berkata, wanita tempatan itu menerima satu panggilan daripada seorang individu memperkenalkan diri daripada syarikat kurier dari Kuala Lumpur.

Suspek kemudian memaklumkan kepada mangsa terdapat bungkusan daripada mangsa tamat tempoh dan bungkusan itu mengandungi satu kad pengenalan dan empat keping kad bank.

"Panggilan mangsa kemudian disambungkan kepada seorang lagi suspek, kononnya seorang pegawai polis dan meminta mangsa memberi maklumat perbankan miliknya.

"Mangsa kemudian menerima pesanan ringkas meminta mangsa melapor diri dengan menghantar gambar bagi tujuan siasatan," katanya menerusi kenyataan di sini semalam.

Bimbang dan takut, mangsa menurut semua arahan diberikan oleh suspek.

Menurut Zulkipli, mangsa menerima satu pesanan ringkas menyatakan terdapat satu transaksi pindahan wang berjumlah RM29,800 ke dalam satu akaun bank tempatan tidak diketahui.

"Mangsa yang berasa curiga dan menyedari telah diperdaya suspek tampil membuat laporan polis di balai berdekatan," katanya.

Kes disiasat di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Sebarang nasihat atau maklumat lanjut boleh dirujuk kepada Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) di talian 997 dan ikuti laman facebook @CyberCrimeAlertRMP @JSJKPDRM.

Semakan pengesahan akaun bank dan nombor telefon diragui boleh dibuat melalui laman sesawang http://ccid.rmp.gov.my/semakmule/